



JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA

KENYATAAN SEBUTHARGA

(A) TARIKH IKLAN: 19 SEPTEMBER 2017

Tawaran ini adalah dipelawa kepada syarikat/pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang perkhidmatan di bawah bidang atau sub bidang yang berkaitan dan mempunyai **LESEN KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)** bagi menyertai tawaran sebutharga seperti berikut :-

NO. SEBUTHARGA JKWPKL&P	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TARIKH/TEMPAT SESI TAKLIMAT (Kehadiran Adalah Wajib)
06/2017	Tawaran Sebutharga Perkhidmatan Mencetak Dan Membekal Buku Untuk Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya	221601	Tarikh : 25 September 2017 (Isnin) Masa : 11.00 Pagi Tempat : Bilik Seminar Pemakanan, Tingkat 3, Blok B, Bahagian Pengurusan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, Jalan Cenderasari, 50590 Kuala Lumpur

(B) DOKUMEN SEBUTHARGA

- Dokumen Sebutharga adalah **PERCUMA** dan boleh dirujuk serta dimuat turun bermula pada tarikh iklan melalui laman web www.eperolehan.com.my.
- Syarikat-syarikat yang ingin menyertai tawaran sebutharga ini **DIWAJIBKAN** menghadiri sesi taklimat pada tarikh dan masa yang ditetapkan (Syarikat yang lewat tidak dibenarkan menyertai taklimat) dengan membawa bersama **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah tempoh berserta dengan kod bidang dan Lesen Kementerian Dalam Negeri (KDN)** (Sijil asal dan satu (1) salinan fotostat yang tidak akan dikembalikan). Bagi maksud kehadiran ke sesi taklimat, hanya pengurus atau wakil syarikat yang sah (**perlu kemukakan surat wakil syarikat**) sahaja dibenarkan. Kegagalan berbuat demikian menyebabkan syarikat yang berminat tidak dapat menyertai tawaran sebutharga ini.

(C) TARIKH & MASA TUTUP SEBUTHARGA

- Tarikh tutup Sebutharga adalah pada **02 Oktober 2017 (Isnin)**, Jam **12.00 tengah hari**
- Dokumen Sebutharga perlu diserahkan secara online melalui Sistem ePerolehan dan secara manual dimasukkan ke dalam sampul surat dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga No. 2** bagi **Sebutharga No. JKWPKL&P 06/2017** di **Unit Perolehan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, Tingkat 2, Blok B, Jalan Cenderasari, 50590 Kuala Lumpur**.

PENGARAH KESIHATAN NEGERI
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur & Putrajaya

